

Kedudukan daya saing Malaysia lebih baik

BH - 13/5/2006

Prestasi hasil komitmen kerajaan, swasta sediakan pembiayaan

Oleh Khairul Anuar Abdul Samad

MALAYSIA berada pada kedudukan ke-23 sebagai negara paling berdaya saing di dunia, melonjak daripada kedudukan ke-28 tahun lalu.

Kedudukan itu lebih baik berbanding beberapa negara maju seperti Jerman yang berada pada kedudukan ke-26, Perancis (35), Korea Selatan (38) dan Itali (56).


Senarai kedudukan itu terkandung dalam Buku Tahunan Daya Saing Dunia 2006 yang diterbitkan International Institute for Management Development (IMD), berpangkalan di Switzerland.

Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) yang menjadi rakan institusi IMD menerusi kenyataannya semalam berkata, Malaysia turut mencapai kemajuan dari segi kecekapan kerajaan, kecekapan perniagaan dan prasarana.

Dari segi kecekapan kerajaan, negara ini berada pada kedudukan ke-20 daripada ke-26 tahun lalu. Kecekapan Perniagaan meningkat dari kedudukan ke-25 juga kepada ke-20 manakala prasarana pada kedudukan ke-31 daripada ke-34.

Bagi prestasi ekonomi pula, Malaysia berada di kedudukan ke-11, eksport barangan (ketiga) dan imbangan akaun semasa, nisbah perdagangan terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan kadar pengangguran (keempat), manakala jumlah pendapatan daripada pelancongan meningkat ke kedudukan kelima.

Malaysia juga mencatatkan peningkatan kedudukannya bagi subfaktor perdagangan antarabangsa dan pelaburan antarabangsa dengan masing-masing pada kedudukan keempat dan ke-23 daripada kedudukan keenam dan ke-49 pada 2005.



TERUS MAJU: Perdagangan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

NPC berkata, dari segi kecekapan kerajaan, kejayaan Malaysia meningkatkan kedudukan daya saingnya menunjukkan keberkesanan usaha jentera pentadbiran serta sistem penyampaian kerajaan.

Ia termasuk usaha mengurangkan birokrasi dengan mempermudah sistem, prosedur serta penggunaan pengukuran Indeks Prestasi Utama (KPI).

Dari segi perundangan perniagaan, Malaysia mencatatkan kemajuan dalam bidang penguatkuasaan kastam, kontrak sektor awam, urusan niaga antarabangsa dan subsidi.

"Peningkatan tahap daya saing dalam kecekapan perniagaan adalah sejarai peningkatan produktiviti bagi ketiga-tiga sektor ekonomi iaitu per-

tanian, pembuatan dan perkhidmatan.

"Kos buruh di sektor perindustrian kekal kompetitif seperti yang dilihat dalam penurunan kos buruh setiap unit (ULC) dengan Malaysia berada di tempat pertama di kalangan 61 negara yang dikaji bagi tem-

poh dua tahun berturut-turut," katanya.

NPC berkata, peningkatan kedudukan daya saing infrastruktur pula adalah hasil pelaburan dalam telekomunikasi, teknologi komunikasi, penggunaan komputer yang meluas, pembangunan dan aplikasi teknologi, di samping kos telefon mudah alih serta internet yang kompetitif.

Ia berikutan komitmen berterusan kerajaan serta sektor swasta dalam menyediakan pembiayaan mencukupi serta inisiatif dalam kegiatan pembangunan dan penyelidikan (R&D) yang meningkatkan keupayaan dalam teknologi, di samping mewujudkan penawaran tenaga kerja mahir melalui kegiatan nilai tambah.

FAKTA NOMBOR

11

Kedudukan prestasi ekonomi Malaysia

20

Kedudukan kecekapan kerajaan